



KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN HUKUM SYARAK

2/110/2018

21 SEPTEMBER 2018

FATWA BERKENAAN HUKUM DAN KAEDAH TAKSIRAN QADHA' ZAKAT (TUNGGAKAN ZAKAT)

Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-110/2018 yang bersidang pada 21 September 2018 telah memutuskan bahawa:

1. Bersetuju supaya harta yang belum dibayar zakat **HENDAKLAH DIBAYAR** zakatnya dengan mengambil kira nisab zakat pada tahun tersebut.¹

¹1. Tiada kaedah khusus yang dinyatakan oleh para fuqaha' berkaitan cara melunaskan zakat yang tertunggak melainkan ianya dilunaskan segera dan mengikut jenis harta zakat yang tertunggak tanpa sebarang denda atau tuntutan lebih yang akan dikenakan ke atas harta tersebut. Contohnya:

- a) Emas dan perak perlu dilunaskan mengikut nilai emas dan perak
- b) Zakat pertanian perlu dilunaskan mengikut nilainya atau jumlah timbangan hasil pertanian jika dituai pada haul berikutnya.

2. Juhur ulamak bersepakat bahawa zakat adalah kewajipan yang mesti disegerakan. Sekiranya harta tersebut telah mencapai nisab maka wajib zakat ke atas harta tersebut walaupun harta itu rosak, hilang atau jika *muzakki* (orang yang perlu membayar zakat) itu jatuh miskin atau meninggal dunia sesudah itu. Begitu juga dengan orang yang tidak menunaikan zakat pada tahun-tahun yang sebelumnya maka wajib ke atasnya untuk membayar semua zakat yang tertunggak bagi tahun-tahun yang sebelumnya sama ada dia mengetahui atau tidak kewajipan zakat itu. Tidak memadai zakat dilunaskan sekali sahaja dengan menilai kekayaan terkini yang dimiliki dan dibayar sekaligus untuk kesemua haul.

(Lihat al-Nawawi, Al-Majmu' 2001)

4. Sebagai contoh, sekiranya seseorang itu tidak mengeluarkan zakat selama sepuluh tahun daripada hartanya yang telah mencukupi nisab, maka dia wajib mengeluarkan zakat untuk tiap-tiap tahun yang telah berlalu itu mengikut kadar nisab yang telah ditentukan oleh pihak berkuasa zakat. Pendekatan untuk memudahkan para *muzakki* dalam menunaikan kewajipan mereka adalah keutamaan disamping mengambilkira juga keupayaan para amil dalam melakukan pengiraan, terutama jika melibatkan jumlah harta yang besar dan tempoh tunggakan yang lama. Ini kerana zakat itu merupakan hak Allah dan hak Allah itu dibina berdasarkan kemudahan.

2. Perkara berkaitan dengan nama Qadha' Zakat atau Zakat Tertunggak akan diputuskan pada mesyuarat akan datang oleh Ahli Mesyuarat.

Bertarikh 21 September 2018
MJKPHSWP Kali ke 110/2018

DATUK DR ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI
Pengerusi
Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak
Wilayah Persekutuan



(Lihat al-Latif, 2003)

5. Rujuk mana-mana pusat zakat yang ada di setiap negeri bagi sekiranya tidak pasti kadar bayaran zakat yang perlu dibayar. Bayaran zakat perlu dibayar pada amil yang bertauliah sahaja.